



**PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA
PEJABAT PENDAFTARAN PATEN**

NOTIS AMALAN 2/2022

NOTIS AMALAN INI dikeluarkan bagi menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pendaftar Paten oleh seksyen 87A Akta Paten 1983.

Notis amalan ini menetapkan cara bagi memfailkan apa-apa permohonan atau permintaan kepada Pejabat Pendaftaran Paten sebagaimana yang dinyatakan di bawah Akta dan Peraturan-Peraturan Paten.

Selaras dengan kuat kuasa Peraturan-Peraturan Paten (Pindaan) 2022 (No.2), Peraturan-Peraturan Paten (Pihak Berkuasa Depositari Kebangsaan) 2022, Arahan Akta Paten 1983 dan Peraturan-Peraturan 1986 (PT03/2022) dan Arahan Akta Paten 1983 dan Peraturan-Peraturan Paten (Pihak Berkuasa Depositari Kebangsaan) 2022 (PT(NDA)01/2022), cara bagi pemfailan permohonan atau permintaan dengan Pejabat Pendaftaran Paten bermula 30 Jun 2022 adalah seperti yang berikut:

1. Semua permohonan atau permintaan hendaklah difailkan secara manual di kaunter atau dihantar melalui pos ke Pejabat Pendaftaran Paten kecuali yang berikut:

No.	Perkara	Cara pemfailan
1.	Pemfailan akuan untuk menarik balik permohonan paten	Boleh difailkan melalui sistem IP Online
2.	Permintaan bagi <i>Patent Prosecution Highway</i> (PPH)	Boleh difailkan melalui sistem IP Online

No.	Perkara	Cara pemfailan
3.	Permintaan bagi ASEAN <i>Patent Examination Co-Operation</i> (ASPEC)	Boleh difailkan melalui sistem IP Online
4.	Pemfailan permohonan antarabangsa (PCT)	Boleh difailkan melalui ePCT

2. *Softcopy* permohonan atau permintaan yang difailkan secara manual adalah diterima. *Softcopy* permohonan atau permintaan itu hendaklah disimpan dalam alat simpanan komputer fizikal seperti *compact disc read-only memory*, *digital versatile disc read-only memory*, *USB flash drive* dan *external hard drive* yang bebas daripada sebarang virus. Alat simpanan komputer fizikal hendaklah diletakkan di dalam sampul surat dan alat ini tidak akan dikembalikan.

3. Fi pengendalian tidak akan dikenakan bagi pemfailan manual apa-apa permohonan atau permintaan yang dinyatakan dalam perenggan 1 di atas kecuali bagi pemfailan permohonan antarabangsa (PCT).

4. Borang Paten 1, Borang Paten 2A, Borang Paten 14, Borang Paten 16, Borang Paten 16A dan Borang Paten 17 terpinda seperti yang disediakan di dalam Arahan (PT03/2022) hendaklah digunakan bagi apa-apa permohonan atau permintaan yang dibuat di bawah seksyen baharu 26c dan subseksyen 78o(1A) Akta bermula 30 Jun 2022.

5. Permohonan atau permintaan yang tidak berkaitan dengan seksyen baharu 26c dan subseksyen 78o(1A) Akta boleh terus menggunakan Borang Paten 1, Borang Paten 2A, Borang Paten 14, Borang Paten 16, Borang Paten 16A dan Borang Paten 17 seperti yang disediakan di dalam Arahan (PT02/2022) bermula 30 Jun 2022 sehingga 31 Julai 2022.

Notis amalan ini akan berkuat kuasa pada 30 Jun 2022 sehingga notis selanjutnya dikeluarkan oleh Pendaftar Paten. Bermula dari tarikh kuat kuasa notis amalan ini, Notis Amalan 1/2022 dengan ini dibatalkan.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila emel kepada infoptform@myipo.gov.my

Pendaftar Paten

Pejabat Pendaftaran Paten

Dikeluarkan dan Disiarkan pada: 30 Jun 2022